

Anwar hadir EEF 2024 atas undangan Putin

Daripada
Zuraimi Abdullah

di Vladivostok
(Russia)



Keakraban Malaysia dan Russia terjalin sejak sedekad lalu manakala insiden pesawat Malaysia Airlines MH17 ditembak jatuh pada 2014 turut menjadikan hubungan kedua-dua negara itu lebih dekat, termasuk kerjasama ketenteraan dan teknikal.

Hubungan baik itu bakal dilihat sepenuhnya pada Forum Ekonomi Timur 2024 (EEF 2024) minggu ini di bandar pelabuhan ini yang terletak kira-kira 6,416 kilometer (km) dari Moscow, berhampiran sempadan China dan Korea Utara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang akan hadir

atas undangan Presiden Vladimir Putin, membawa bersama delegasi untuk meningkatkan kerjasama dua hala, manakala Russia berusaha membangunkan wilayah timurnya.

Anwar dijadual bertemu Putin pada mesyuarat dua hala di luar lingkungan EEF 2024, petang ini.

Mereka juga dijadual berkongsi pentas dalam sesi pleno forum bersama Naib Presiden China, Han Zheng, esok.

Duta Malaysia ke Moscow, Datuk Cheong Loon Lai, berkata dagangan dua hala Malaysia dengan Russia terus berkembang pesat, walaupun dalam landskap ekonomi global yang mencabar.

Katanya, jumlah perdagangan Malaysia dengan Russia meningkat kepada AS\$1.79 bilion bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, meningkat 15.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Kita mengimport lebih banyak dari Russia, tetapi eksport

Malaysia berkembang sejak tahun lalu pada kadar 70.7 peratus kepada AS\$580 juta dalam tujuh bulan pertama tahun ini.

“Ini susulan peningkatan penghantaran produk elektrik dan elektronik,” katanya kepada media Malaysia di sini, semalam.

Minat Russia terhadap produk dan perkhidmatan Malaysia kian ketara menerusi penyertaan besar dalam XV Russia-Islamic World-KazanForum 2024 di wilayah Tatarstan, baru-baru ini.

Pada forum berkenaan, Malaysia membuka pavilion yang mempromosikan pelbagai sektor termasuk industri halal, sektor pendidikan, pertanian serta produk makanan dan minuman.

Pertemuan Perdana Menteri dengan Putin mungkin menyaksikan kedua-dua pemimpin membincangkan dan menilai permohonan Malaysia untuk menyertai organisasi BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan).